

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 19/03/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 45

Tajuk : ANGKASA bantu kurangkan kos sara hidup rakyat

Angkasa bantu kurangkan kos sara hidup rakyat

KUANTAN 18 Mac - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) sedang giat melibatkan masyarakat supaya aktif dalam gerakan koperasi bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup yang ditanggung mereka.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, perkara itu adalah antara cadangan yang dikemukakannya ketika menghadiri Mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup yang ditubuhkan kerajaan Pusat baru-baru ini.

Kata beliau, Angkasa sedia mengambil alih peranan orang tengah yang dikenal pasti menjadi antara punca kenaikan harga barangan runcit di pasaran ketika ini.

"Kita sedia menyertai sektor peruncitan dan pemborong bagi menyediakan barangan

keperluan asas pada harga yang lebih kompetitif kepada pengguna.



**ABDUL FATTAH
ABDULLAH**

"Perkara ini sudah saya suarakan ketika kali pertama menghadiri mesyuarat berkenaan. Memang kita boleh atasi masalah ini (beban kos sara hidup) jika koperasi mengambil alih peranan dimainkan pemborong ketika ini," katanya selepas merasmikan Sesi Dialog Bersama Pengetua-pengetua Sekolah Pahang, di

sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail.

"Sebab itu, semua koperasi sekolah perlu mempelbagai jenis perniagaan dan tidak tertumpu kepada pembekalan peralatan sekolah semata-mata seperti bidang peruncitan dan kantin," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA